

**PROSPEKTUS TAMBAHAN BAGI
TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER**

(dana Islam yang diwujudkan dan ditubuhkan di Malaysia pada 25 September 2017)

Pengurus : Affin Hwang Asset Management Berhad (429786-T)

Pemegang Amanah : TMF Trustees Malaysia Berhad (610812-W)

PENAFIAN:

**PROSPEKTUS TAMBAHANINI HENDAKLAHDIBACASEHUBUNGAN DENGAN
PROSPEKTUS BAGI TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER BERTARIKH 28
NOVEMBER 2017 (“PROSPEKTUS”) DAN HENDAKLAHDIEDARKANDENGAN
PROSPEKTUS.**

**PELABUR-PELABURADALAH DINASIHATKAN UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI
KANDUNGAN PROSPEKTUS DAN PROSPEKTUSTAMBAHANI. SEKIRANYA RAGU-
RAGU, SILAMINTANASIHTAPENASIHAT PROFESIONAL.**

Prospektus Tambahan ini bertarikh 2 Julai 2019.

**PROSPEKTUS TAMBAHAN INI HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN
PROSPEKTUS UTAMA BAGI TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER BERTARIKH 28
NOVEMBER 2017**

PENYATA TANGGUNGJAWAB

Para pengarah Pengurus telah melihat dan meluluskan Prospektus Tambahan ini. Mereka secara kolektif dan individu menerima tanggungjawab penuh bagi ketepatan maklumat. Selepas membuat semua pertanyaan yang munasabah, dan setakat pengetahuan dan kepercayaan terbaik mereka, mereka mengesahkan bahawa tidak ada kenyataan palsu atau mengelirukan atau fakta-fakta lain yang sekiranya tertinggal, akan menjadikan mana-mana kenyataan dalam Prospektus Tambahan palsu atau mengelirukan.

PENYATA PENAFIAN

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah meluluskan terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau mengeluarkan pelawaan untuk melanggan atau membeli Unit-unit berhubung dengan penawaran awam dan salinan Prospektus Tambahan ini telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Kelulusan, dan pendaftaran Prospektus Tambahan ini, tidak boleh diambil sebagai petunjuk bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan Dana atau Unit-unit atau akan bertanggungjawab bagi ketepatan mana-mana kenyataan yang dibuat, pandangan yang dinyatakan atau laporan yang terkandung dalam Prospektus atau Prospektus Tambahan. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak, dalam apa-apa cara, menimbangkan merit-merit sekuriti yang ditawarkan untuk pelaburan.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa ketidakdedahan di pihak Pengurus yang bertanggungjawab bagi Dana dan tidak akan bertanggungjawab bagi kandungan dokumen ini, tidak membuat representasi berhubung dengan ketepatan atau kecukupannya, dan secara nyata menafikan sebarang liabiliti bagi apa-apa kerugian yang anda mungkin alami timbul daripada atau dalam bergantung ke atas keseluruhan atau mana-mana bahagian kandungan Prospektus Tambahan ini.

Kemasukan ke Senarai Rasmi Bursa Malaysia Securities Bhd tidak boleh diambil sebagai petunjuk merit-merit pelawaan, Dana atau Unit-unitnya.

PENYATA TAMBAHAN

Pelabur-pelabur hendaklah mengambil perhatian bahawa mereka boleh mendapatkan rekursa di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 bagi pelanggaran undang-undang dan peraturan sekuriti termasuk apa-apa kenyataan dalam Prospektus Tambahan yang adalah palsu, mengelirukan, atau daripada mana terdapat peninggalan material; atau bagi apa-apa tindakan yang mengelirukan atau mengabui berhubung dengan Prospektus Tambahan atau tindakan mana-mana orang lain berhubung dengan Dana.

Semua terma yang digunakan dalam Prospektus Tambahan ini akan mempunyai maksud yang sama dengan yang ditakrifkan pada muka surat "Definisi" Prospektus melainkan konteks memerlukan di sebaliknya.

**PROSPEKTUS TAMBAHAN INI HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN
PROSPEKTUS UTAMA BAGI TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER BERTARIKH 28
NOVEMBER 2017**

Prospektus Tambahan ini dikeluarkan untuk menangani tujuan dikategorikan berikut:

**I. UNTUK MENGEMAS KINI MAKLUMAT YANG DINYATAKAN DALAM
PROSPEKTUS**

Selaras dengan yang di atas, kemas kini berikut akan dibuat kepada Prospektus:

1. Maklumat berhubung dengan Lembaga Pengarah Pengurus pada Muka Surat xvi akan dipotong secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

Lembaga Pengarah Pengurus:

- Raja Tan Sri Dato' Seri Aman Bin Raja Haji Ahmad (Pengarah Bukan Bebas)
- Datuk Maimoonah Binti Mohamed Hussain (Pengarah Bukan Bebas)
- Cik Seet Oon Hui Eleanor (Pengarah Bukan Bebas)
- Encik. Teng Chee Wai (Pengarah Urusan)
- Encik Abd Malik Bin A Rahman (Pengarah Bebas)
- YBhg Mej Jen Dato' Hj Latip Bin Ismail (Pengarah Bebas)

2. Peniaga yang Mengambil Bahagian dan Pembuat Pasaran

- 2.1. Maklumat berhubung dengan Peniaga yang Mengambil Bahagian dan Pembuat Pasaran dalam seksyen panduan korporat di Muka Surat xvii akan ditambahkan dengan maklumat berikut:

Malacca Securities Sdn Bhd (16121-H)
No. 1, 3, & 5, Jalan PPM 9,
Plaza Pandan Malim Business Park, Balai Panjang,
75250 Melaka

- 2.2. Dalam Seksyen 1.1 pada Muka Surat 3, nama "Malacca Securities Sdn Bhd" akan ditambahkan dalam seksyen "Keterangan Ringkas" mengenai Peniaga yang Mengambil Bahagian.

- 2.3. Dalam Seksyen 3.1 pada Muka Surat 17, Perkara (a) berhubung dengan risiko bertajuk "Kebergantungan pada Peniaga yang Mengambil Bahagian" akan dipotong secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

(a) Pembentukan dan penebusan Unit-unit hanya boleh dikuatkuasakan melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian. Pengurus telah menandatangani Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian dengan Peniaga-peniaga yang Mengambil Bahagian. Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian ini membolehkan Peniaga yang Mengambil Bahagian untuk meminta pembentukan Unit-unit baru dan/atau memerlukan penebusan Unit-unit sedia ada. Sekiranya Peniaga yang Mengambil Bahagian sedia ada menarik balik

**PROSPEKTUS TAMBAHAN INI HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN
PROSPEKTUS UTAMA BAGI TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER BERTARIKH 28
NOVEMBER 2017**

pada bila-bila masa dan tidak ada peniaga baru atau tambahan yang mengambil bahagian dilantik dan/atau menandatangani Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian dengan Pengurus, maka tidak ada Unit baru boleh dibentuk atau ditebus.

- 2.4.** Perenggan kedua Seksyen 6.9 pada Muka Surat 46 akan dipotong secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

Walaupun Pembuat Pasaran boleh membeli dan menjual Unit-unit sama seperti pelabur-pelabur runcit melalui Bursa Securities, tidak ada jaminan atau ansuran tentang harga pada mana pasaran bagi Unit-unit akan dibuat. Affin Hwang IB dan Malacca Securities Sdn Bhd pada masa ini adalah Pembuat Pasaran tetapi pembuat(pembuat-pembuat) pasaran tambahan boleh dilantik pada masa hadapan. Senarai pembuat pasaran yang dilantik oleh Dana boleh diperoleh daripada sama ada laman web Dana atau Bursa Securities. Pengurus juga akan memaklumkan Bursa Securities mengenai apa-apa perubahan kepada senarai pembuat pasaran.

- 2.5.** Dalam Seksyen 15.6 pada Muka Surat 83, maklumat berikut akan ditambah:

(g) Malacca Securities Sdn Bhd telah mengesahkan bahawa pada 31 Mei 2019, ia tidak mengetahui apa-apa keadaan yang wujud atau berkemungkinan wujud untuk menimbulkan percanggahan kepentingan dalam keupayaannya untuk bertindak sebagai Peniaga yang Mengambil Bahagian dan Pembuat Pasaran berhubung dengan Dana.

3. Penanda Aras – Pengenalan

Maklumat berikut adalah dengan ini dimasukkan di bawah seksyen 2.11:

“Pemberi lesen Penanda Aras adalah bukan syarikah yang berkaitan dengan Pengurus”

4. Cukai Jualan dan Perkhidmatan

- 4.1.** Seksyen 4.7 pada Muka Surat 26 akan dipotong secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

4.7 Cukai Jualan dan Perkhidmatan

Pemegang Unit dan/atau Dana (mengikut keadaan) (selepas ini dirujuk sebagai “**Pihak yang Membayar**”) hendaklah atas tuntutan membayar kepada pihak yang berhak sewajarnya untuk mengutip cukai jualan dan perkhidmatan (“**SST**”) jumlah tertentu bersamaan dengan SST selain daripada mana-mana bayaran lain yang

PROSPEKTUS TAMBAHAN INI HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS UTAMA BAGI TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER BERTARIKH 28 NOVEMBER 2017

perlu dibayar oleh Pihak yang Membayar selaras dengan Prospektus ini dan Surat Ikatan.

Kesemua yuran, caj dan perbelanjaan yang dinyatakan di atas adalah tidak termasuk cukai jualan dan perkhidmatan yang juga perlu dibayar.

4.2. Kesemua rujukan kepada “GST” dalam Prospektus akan dipinda untuk dibaca “SST” dan semua rujukan kepada cukai barang dan perkhidmatan akan dipinda untuk dibaca “cukai jualan dan perkhidmatan”.

4.3. Rujukan kepada “**4.7 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014**” dalam Jadual Kandungan pada Muka Surat v Prospektus akan dipotong secara keseluruhan dan digantikan dengan “**4.7 Cukai Jualan dan Perkhidmatan**”.

5. Seksyen 6.6 pada Muka Surat 45 akan dipotong secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

6.6. Memperoleh maklumat mengenai NAV dan IOPV

Butir-butir mengenai NAV Dana dan NAV setiap Unit bagi setiap Hari Urus Niaga akan disediakan pada setiap Hari Urus Niaga, manakala IOPV setiap Unit akan disediakan pada setiap Hari Perniagaan. Maklumat ini boleh diperoleh daripada laman web Dana di www.tradeplus.com.my atau laman web Bursa Securities di www.bursamalaysia.com.

6. Perjanjian-perjanjian Material

Seksyen 17.2 akan dipotong secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

17.2 Perjanjian Material

Kecuali sebagaimana dinyatakan di bawah, tidak ada perjanjian material lain yang telah ditandatangani berhubung dengan Dana setakat 17 Mei 2019:-

- (a) Perjanjian Jual Beli Emas Induk (dirujuk dalam Prospektus ini sebagai Perjanjian Penyedia Emas) bertarikh 3 Mei 2017 yang ditandatangani di antara Pengurus, Pemegang Amanah dan Penyedia Emas;
- (b) Surat Ikatan bertarikh 25 September 2017 yang ditandatangani di antara Pemegang Amanah dan Pengurus. Yuran perlu dibayar kepada Pemegang Amanah dan Pengurus adalah dikemukakan dalam Seksyen 4.2 Prospektus ini;
- (c) Perjanjian Lesen Induk bertarikh 29 September 2017 yang ditandatangani di antara Pengurus dan IBA. Yuran lesen perlu dibayar kepada IBA adalah dikemukakan dalam Seksyen 4.2 Prospektus ini;

**PROSPEKTUS TAMBAHAN INI HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN
PROSPEKTUS UTAMA BAGI TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER BERTARIKH 28
NOVEMBER 2017**

- (d) Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian bertarikh 19 Oktober 2017 yang ditandatangani di antara Peniaga yang Mengambil Bahagian (Affin Hwang IB), Pengurus dan Pemegang Amanah;
- (e) Perjanjian Penyedia Kecairan bertarikh 19 Oktober 2017 yang ditandatangani di antara Pengurus dan Pembuat Pasaran (Affin Hwang IB);
- (f) Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian bertarikh 23 Januari 2018 yang ditandatangani di antara Peniaga yang Mengambil Bahagian (Malacca Securities Sdn Bhd), Pengurus dan Pemegang Amanah; dan
- (g) Perjanjian Penyedia Kecairan bertarikh 23 Januari 2018 yang ditandatangani di antara Pengurus dan Pembuat Pasaran (Malacca Securities Sdn Bhd).

**II. UNTUK MENSEJAJARKAN PROSPEKTUS DENGAN GARIS PANDUAN
PROSPEKTUS BAGI SKIM PELABURAN KOLEKTIF (“GARIS PANDUAN
PROSPEKTUS”) YANG DIKELUARKAN OLEH SC PADA 3 MAC 2008 DAN
DISEMAK PADA 23 MEI 2019**

Selaras dengan yang di atas, kemas kini berikut akan dibuat kepada Prospektus:

1. Perenggan pertama Penyata Tanggungjawab pada Muka Surat (i) dan Seksyen 18(i) pada Muka Surat 94 akan dipotong secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

Para pengarah Pengurus telah melihat dan meluluskan Prospektus ini. Mereka secara kolektif dan individu menerima tanggungjawab penuh bagi ketepatan maklumat. Selepas membuat semua pertanyaan yang munasabah, dan setakat pengetahuan dan kepercayaan terbaik mereka, mereka mengesahkan bahawa tidak ada kenyataan palsu atau mengelirukan, atau fakta-fakta lain yang mana sekiranya tertinggal, akan menjadikan mana-mana kenyataan dalam Prospektus palsu atau mengelirukan.

2. Penyata Penafian

- 2.1.** Perenggan pertama Penyata Penafian pada Muka Surat (i) akan dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah meluluskan terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau mengeluarkan pelawaan untuk melanggan atau membeli Unit-unit berhubung dengan penawaran awam dan salinan Prospektus ini telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

- 2.2** Perenggan kedua Penyata Penafian pada Muka Surat (i) akan dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

**PROSPEKTUS TAMBAHAN INI HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN
PROSPEKTUS UTAMA BAGI TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER BERTARIKH 28
NOVEMBER 2017**

Kelulusan, dan pendaftaran Prospektus ini, tidak boleh diambil sebagai petunjuk bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan Dana atau akan bertanggungjawab bagi ketepatan mana-mana kenyataan yang dibuat, pandangan yang dinyatakan atau laporan yang terkandung dalam Prospektus ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak, dalam apa-apa cara, menimbangkan merit-merit sekuriti yang ditawarkan untuk pelaburan.

- 2.3** Perenggan ketiga Penyata Penafian pada Muka Surat (i) akan dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa ketidakdedahan di pihak Pengurus yang bertanggungjawab bagi Dana dan tidak akan bertanggungjawab bagi kandungan dokumen ini, tidak membuat representasi berhubung dengan ketepatan atau kecukupannya, dan secara nyata menafikan sebarang liabiliti bagi apa-apa kerugian yang anda mungkin alami timbul daripada atau dalam bergantung ke atas keseluruhan atau mana-mana bahagian kandungan Prospektus ini.

- 2.4** Perenggan kelima Penyata Penafian pada Muka Surat (i) akan dipotong secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

Kemasukan ke Senarai Rasmi Bursa Malaysia Securities Bhd tidak boleh diambil sebagai petunjuk merit-merit penawaran, Dana atau Unit-unitnya.

3. Panduan Korporat

- 3.1.** Maklumat berkaitan dengan Penasihat Syariah pada Muka Surat xvii akan ditambah dengan maklumat yang berikut:

No Tel.: (603)-2161 0260
E-mel: info@amanieadvisors.com
Laman web:www.amanieadvisors.com

- 4.** Maklumat berhubung dengan ahli-ahli Lembaga Pengarah dalam Seksyen 8.2 pada Muka Surat 56 akan dipotong secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

8.2 Lembaga Pengarah

Lembaga pengarah adalah bertanggungjawab bagi pengurusan keseluruhan Pengurus dan dana-dananya. Lembaga bukan sahaja memastikan tadbir urus korporat diamalkan tetapi polisi dan garis panduan dipatuhi. Lembaga akan bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setiap tahun, atau lebih sekiranya keperluan timbul.

**PROSPEKTUS TAMBAHAN INI HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN
PROSPEKTUS UTAMA BAGI TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER BERTARIKH 28
NOVEMBER 2017**

Ahli-ahli Lembaga Pengarah

**Raja Tan Sri Dato' Seri Raja Aman bin Raja Haji Ahmad (Pengerusi, Pengarah
Bukan Bebas)**
berusia 74 tahun

Raja Tan Sri Dato 'Seri Aman telah dilantik ke Lembaga sebagai Pengarah Bukan Bebas Pengurus pada 19 Februari 2019. Lembaga pengarah bertanggungjawab bagi pengurusan keseluruhan Pengurus dan dana-dananya. Raja Tan Sri Dato 'Seri Aman adalah ahli *Felo Institute of Chartered Accountants* di England and Wales dan juga ahli Institut Akauntan Malaysia dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia. Beliau memegang pelbagai jawatan dalam Kumpulan Maybank dari 1974 hingga 1985 sebelum menyertai Affin Bank Berhad (dahulunya dikenali sebagai Perwira Habib Bank Malaysia Berhad) pada 1985 sebagai Pengarah Eksekutif. Beliau meninggalkan Affin Bank Berhad pada 1992 untuk menyertai Perbadanan Usahawan Nasional Berhad sebagai Ketua Pegawai Eksekutif. Beliau dilantik semula sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Affin Bank Berhad pada 1995 dan bersara pada 2003. Raja Tan Sri Dato 'Seri Aman juga merupakan Pengerusi Ahmad Zaki Resources Berhad dan beliau menganggotai Lembaga Tomei Consolidated Berhad dan Affin Hwang Investment Bank Berhad.

Datuk Maimoonah binti Mohamed Hussain (Pengarah Bukan Bebas)
berusia 61 tahun

Datuk Maimoonah telah dilantik ke Lembaga sebagai Pengarah Bukan Bebas Pengurus pada 7 April 2014. Lembaga Pengarah bertanggungjawab bagi pengurusan keseluruhan Pengurus dan dana-dananya. Datuk Maimoonah tamat pengajian daripada Universiti Singapura dengan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dan merupakan Pengarah, Pasaran Hutang & Modal Affin Bank Berhad sebelum pelantikan beliau sebagai Pengarah Urusan di Affin Investment Bank Berhad. Sebelum itu, beliau menjadi ketua sindiket di perniagaan bersindiket hutang Standard Chartered Bank untuk Malaysia, Singapura, Thailand, Indonesia dan Filipina. Beliau juga dipinjamkan kepada Standard Chartered Bank Malaysia Berhad selama tiga tahun untuk membangunkan perniagaan hutang tempatan serta rentas sempadan. Beliau sebelum ini menyertai Morgan Grenfell (Asia) Ltd di mana beliau terlibat dalam nasihat kewangan dan projek berstruktur di seluruh pasaran Asia Tenggara. Beliau juga berkhidmat sebagai Pengarah dalam Lembaga Affin Hwang Investment Bank Berhad, Merchant Nominees (Tempatan) Sdn Bhd dan Affin Nominees (Asing) Sdn Bhd.

**PROSPEKTUS TAMBAHAN INI HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN
PROSPEKTUS UTAMA BAGI TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER BERTARIKH 28
NOVEMBER 2017**

Cik Eleanor Seet Oon Hui (Pengarah Bukan Bebas)
berusia 44 tahun

Cik. Eleanor telah dilantik ke Lembaga sebagai Pengarah Bukan Bebas Pengurus pada 30 Mac 2018. Lembaga Pengarah bertanggungjawab bagi pengurusan keseluruhan Pengurus dan dana-dananya. Cik. Eleanor menyertai Nikko Asset Management Asia Limited ("Nikko AM Asia") pada 2011 sebagai Presiden dan sebagai Pengarah Eksekutif Nikko AM Asia. Beliau juga adalah ketua Asia selain Jepun di Nikko AM Asia dan bertanggungjawab untuk memacu pertumbuhan Nikko AM Asia di rantau ini. Di samping itu, beliau mengetuai pengurusan hubungan kerjasama kumpulan Nikko Asset Management di China dan Malaysia. Seorang perintis dalam industri pengurusan aset, Cik Eleanor mempunyai latar belakang yang kukuh dalam jualan dan pemasaran produk pelaburan. Sebelum menyertai Nikko AM Asia, Cik Eleanor memegang peranan sebagai Pengarah Kanan untuk iShares, Private Wealth Distribution, Asia bekas Jepun dari 2009. Sebelum itu, beliau menghabiskan 12 tahun di AllianceBernstein, di mana beliau bertanggungjawab membina dan membangunkan firma saluran pengedaran dan perniagaan. Beliau memperoleh jawatannya sebagai Pengarah Asia Tenggara dengan prestasi kukuh beliau dalam pembangunan perniagaan dan tinjauan strategik. Dengan keupayaan tersebut, beliau bertanggungjawab terhadap keseluruhan strategi dan pelaksanaan penawaran produk firma di Asia Tenggara melalui perantaraan. Cik Eleanor tamat pengajian dengan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi daripada Universiti New South Wales, Sydney. Pada 2017, beliau dianugerahkan khidmat cemerlang IBF Felo oleh Institute of Banking and Finance Singapore.

Encik Teng Chee Wai (Pengarah Bukan Bebas)
berusia 53 tahun

Encik. Teng adalah pengasas Pengurus. Dalam keupayaan beliau sebagai Pengarah Urusan dan Pengarah Eksekutif Pengurus, Encik Teng mengurus hala tuju perniagaan dan keseluruhan strategik serta pengurusan pasukan pelaburan. Di tangannya memperlihatkan pendekatan beliau yang aktif terlibat dalam pelaburan, pembangunan dan pemasaran produk. Kepimpinan penting dan penyertaan tetap Encik Teng dalam mengkaji semula dan menilai strategi dan prestasi telah menjadi penting dalam membolehkan Pengurus berjaya mengemudi ekonomi yang bergolak sedekad yang lalu. Pengalaman pengurusan pelaburan Encik Teng menjangkau lebih daripada 26 tahun, dan bidang kepakaran beliau adalah dalam menguruskan mandat pemulangan mutlak untuk aset insurans dan dana berkaitan pelaburan kedua-dua di Singapura dan Malaysia. Sebelum pelantikan semasanya, beliau adalah Penolong Pengurus Besar (Pelaburan) daripada Overseas Assurance Corporation (OAC) dan bertanggungjawab terhadap fungsi pelaburan Group Overseas Assurance Corporation Ltd. Encik Teng

**PROSPEKTUS TAMBAHAN INI HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN
PROSPEKTUS UTAMA BAGI TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER BERTARIKH 28
NOVEMBER 2017**

memulakan kerjayanya dalam industri kewangan sebagai Pengurus Pelaburan dengan NTUC Income, Singapura. Beliau adalah lulusan Ijazah Sarjana Sains daripada National University of Singapore dan mempunyai Diploma Pasca Siswazah dalam Pengajian Aktuari daripada City University di London.

Encik Abd Malik bin A Rahman (Pengarah Bebas)

berusia 70 tahun

Dato' Latip telah dilantik ke Lembaga sebagai Pengarah Bebas Pengurus pada 18 Ogos 2014. Lembaga pengarah bertanggungjawab bagi pengurusan keseluruhan Pengurus dan dana-dananya. Beliau dilantik ke Lembaga sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Affin Hwang Asset Management Berhad pada 7 April 2014. Beliau mengetuai Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pematuhan & Pengurusan Risiko Lembaga. Encik Malik adalah ahli Akauntan Bertauliah daripada Institut Perakaunan Malaysia (MIA). Beliau juga merupakan Felo Association of Chartered Certified Accountants (UK), seorang ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan Certified Financial Planner (USA). Beliau adalah ahli Institut Pengurusan Malaysia dan Chartered Management Institute (UK). Encik Malik telah memegang pelbagai jawatan pengurusan kanan di Peat Marwick Mitchell (KPMG), Syarikat-syarikat Kumpulan Esso, Colgate Palmolive (M) Sdn. Bhd., Amway (Malaysia) Sdn. Bhd., Fima Metal Box Berhad dan Guinness Anchor Berhad. Beliau adalah Pengurus Besar, Perkhidmatan Korporat Kelang Multi Terminal Sdn. Bhd. (Westports) dari 1994 hingga 2003. Encik Malik adalah Pengurus Affin Hwang Investment Bank Berhad dan merupakan Pengarah Affin Bank Berhad, Boustead Heavy Industries Corporation Berhad, Lee Swee Kiat Group Berhad, Mah Sing Group Berhad, Amway (Malaysia) Holdings Berhad dan beberapa syarikat sendirian berhad.

YBhg Mej Jen Dato' Hj Latip bin Ismail (Pengarah Bebas)

berusia 65 tahun

Dato' Latip telah berkhidmat sebagai Inspektor Jeneral Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan beliau diberi tugas untuk memastikan bahawa pengurusan keselamatan dan kesediaan dalam semua unit dan pangkalan udara sentiasa berada pada tahap optimum mereka, dengan memberikan perhatian kepada aspek operasi aset udara dan darat. Selain Inspektorat TUDM, beliau juga telah berkhidmat dalam pelbagai pelantikan kakitangan termasuk sebagai pengarah di pelbagai ibu pejabat, Ketua Pengajar di Pusat Latihan Terbang 1, Komander Pegawai Sekolah Kadet TUDM di Pangkalan Udara Subang, Pegawai Penguasa Pangkalan Udara Labuan dan Penasihat Pertahanan di Washington, Amerika Syarikat. Beliau juga diberi penghormatan untuk memegang jawatan Komander Pemerintah Pendidikan dan Latihan Udara pada 2011. Dato' Latip tamat pengajian daripada University of Victoria, Australia dengan Sarjana dalam

**PROSPEKTUS TAMBAHAN INI HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN
PROSPEKTUS UTAMA BAGI TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER BERTARIKH 28
NOVEMBER 2017**

Pentadbiran Perniagaan dan beliau juga merupakan ahli Institut Pengangkutan Bertauliah (MCIT).

5. Maklumat berkaitan dengan Personel Penting dalam Seksyen 8.3 pada Muka Surat 57 dan 58 akan dipotong secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

8.3 Personel Penting

(a)Encik Teng Chee Wai (Pengarah Urusan)

(Sila rujuk kepada Seksyen **8.2 di atas**)

(b)Encik David Ng Kong Cheong (Ketua Pegawai Pelaburan)

berusia 47 tahun

Encik David menyertai Pengurus pada 2002 sebagai Ketua Ekuiti dan memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Pelaburan pada September 2006. Beliau telah bertanggungjawab untuk dengan jayanya memimpin pelaburan Pengurus sepanjang satu dekad yang bergelora dengan pelbagai krisis. Panduan bijak dan tegas beliau mengenai strategi pelaburan menyeluruh yang termasuk mentafsirkan isyarat pasaran dan membuat panggilan peruntukan aset tepat pada masanya telah membolehkan Pengurus untuk terus mendahului pesaing setaranya. Sedekad kemudian, beliau telah membina pasukan pelaburan daripada hanya empat (4) pengurus dana kepada sekumpulan kuat seramai 40 orang yang memaparkan resume yang mengagumkan dalam kepakaran pelaburan, liputan dan kawasan geografi berbeza. Di bawah pandangan jauh dan wawasan beliau, pasukan telah berkembang daripada yang tertumpu ekuiti kepada yang merangkumi keupayaan pelaburan aset dan sektor berbilang tempatan dan serantau yang kukuh. Falsafah pelaburan pulangan mutlak beliau dan teknik pemilihan bawah ke atas saham telah mendapat pengiktirafan bagi Pengurus dengan kemenangan pelbagai anugerah, setelah diundi "CIO of the Year" bagi Malaysia oleh anugerah Asia Asset Management 2013. Falsafah Encik David melanggan pelaburan jangka panjang, dengan tidak mengambil risiko yang berlebihan, dan melalui ke dalam semua portfolio yang berkualiti telah menetapkan pelan tindakan bagi pelaburan Pengurus pada tahun-tahun mendatang. Beliau terkenal dalam industri kerana disiplin beliau, kebijaksanaan serta sikap yang munasabah terhadap pelaburan. Beliau tamat pengajian dengan dua Ijazah dalam Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan) dan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang daripada Monash University di Melbourne, Australia dan juga pemegang carter Chartered Financial Analyst (CFA).

6. Memandangkan penggunaan terma "Dana Islam" dalam Garis Panduan Prospektus, semua rujukan kepada terma "Dana patuh Syariah diperdagang pada bursa", "ETF patuh Syariah" dan "dana patuh Syariah" dalam Prospektus hendaklah dipinda untuk dibaca sebagai "dana Islam".

**PROSPEKTUS TAMBAHAN INI HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN
PROSPEKTUS UTAMA BAGI TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER BERTARIKH 28
NOVEMBER 2017**

7. Dalam Seksyen 1.3 pada Muka Surat 5, frasa "Bagi maklumat mengenai faktor-faktor risiko tertentu yang hendaklah dipertimbangkan oleh bakal-bakal pelabur, lihat "Faktor-faktor Risiko" bermula daripada muka surat 16." hendaklah dikeluarkan.
8. Dalam Seksyen 1.3 pada Muka Surat 5, frasa "Terdapat yuran-yuran yang terlibat dan pelabur-pelabur adalah dinasihatkan untuk menimbangkannya sebelum melabur dalam Dana." hendaklah dikeluarkan.
9. Dalam Seksyen 1.3 pada Muka Surat 5, frasa "Harga-harga Unit mungkin turun serta naik." hendaklah dikeluarkan.
10. Dalam perenggan 1 Seksyen 8.1 pada Muka Surat 56, ayat "Pengurus telah diperbadankan di Malaysia pada 2 Mei 1997 di bawah Akta syarikat 1965 dan mula beroperasi di bawah nama Hwang–DBS Capital Berhad pada 2001" akan dipinda untuk dibaca "Pengurus, **Affin Hwang Asset Management Berhad** (429786-T) telah diperbadankan di Malaysia pada 2 Mei 1997 di bawah Akta Syarikat 1965 dan mula beroperasi di bawah nama Hwang–DBS Capital Berhad pada 2001".
11. Kenyataan berikut akan dimasukkan sebagai perenggan baru selepas perenggan keempat Penyata Pendedahan Pelesenan dan Syarat-syarat pada muka surat iii Prospektus:

Tidak ada budi bicara bagi Dana untuk menyesuaikan diri kepada perubahan pasaran disebabkan sifat pelaburan sedia ada Dana, dan bahawa kejatuhan dalam Penanda Aras adalah dijangka akan mengakibatkan kejatuhan yang sepadan dalam nilai Dana.

12. Pengumuman Syariah

- 12.1.** Seksyen baru bertajuk "19. Surat Pengumuman Syariah" hendaklah dimasukkan selepas Seksyen 18 (Muka Surat 94) Prospektus. Surat Pengumuman Syariah tersebut bertarikh 27 Jun 2019 yang dinyatakan bersama sebagai **Apendiks A** hendaklah dimasukkan dalam seksyen 19 Prospektus.
 - 12.2.** Pada akhir Jadual Kandungan pada Muka Surat vii, terma "Surat Pengumuman Syariah" yang akan berada pada "Muka Surat 95" akan ditambah.
13. Pada muka surat 71, selepas Seksyen 11.3, kenyataan berikut hendaklah dimasukkan:

PROSPEKTUS TAMBAHAN INI HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS UTAMA BAGI TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER BERTARIKH 28 NOVEMBER 2017

Pelabur-pelabur boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai Pengurus, Penasihat Syariah, dan Pengurus Dana daripada laman web Pengurus atau laman web Dana (www.tradeplus.com.my).

- 14.** Seksyen 17.6 pada muka surat 93, akan dipotong secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

17.6 Dokumen untuk Pemeriksaan

Salinan dokumen berikut boleh diperiksa di pejabat utama Pengurus dan Pemegang Amanah semasa waktu perniagaan biasa:-

- (a) Perjanjian material yang dirujuk dalam seksyen 17.2 Prospektus ini;
 - (b) Surat penasihat Cukai dirujuk dalam Seksyen 16 Prospektus ini;
 - (c) Surat-surat kebenaran yang dirujuk dalam Seksyen 17.3 Prospektus ini;
 - (d) Prospektus semasa dan prospektus tambahan atau gantian, sekiranya ada;
 - (e) Laporan tahunan terkini dana;
 - (f) Penyata kewangan teraudit Pengurus dan Dana bagi tahun kewangan semasa, dan bagi tiga tahun kewangan yang lepas atau sekiranya kurang daripada tiga tahun, daripada tarikh pemerbadanan atau permulaan; dan
 - (g) Surat Pengumuman Syariah dirujuk dalam Seksyen 19 Prospektus ini bertarikh 27 Jun 2019.
- 15.** Pada akhir Seksyen 6.7, pada Muka Surat 46, kenyataan berikut hendaklah dimasukkan:

Senarai ejen depositori bertauliah akan disediakan pada laman web Bursa Securities di www.bursamalaysia.com.

III. UNTUK MENSEJAJARKAN PROSPEKTUS DENGAN GARIS PANDUAN MENGENAI DANA DIDAGANGKAN DI BURSA (“GARIS PANDUAN ETF”) YANG DIKELUARKAN OLEH SC DAN DISEMAK PADA 2 JANUARI 2019

Selaras dengan yang di atas, kemas kini berikut akan dibuat kepada Prospektus:

1. Definisi “Resolusi Khas” pada muka surat xiii akan dipotong secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

**PROSPEKTUS TAMBAHAN INI HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN
PROSPEKTUS UTAMA BAGI TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER BERTARIKH 28
NOVEMBER 2017**

Resolusi yang diluluskan pada mesyuarat Pemegang-pemegang Unit yang dipanggil dan diadakan sewajarnya selaras dengan peruntukan Surat Ikatan, oleh majoriti tidak kurang daripada 75% daripada jumlah hak mengundi Pemegang-pemegang Unit yang berhak untuk mengundi ke atas resolusi dalam mesyuarat.

Bagi tujuan penamatan Dana, resolusi khas yang diluluskan oleh majoriti dalam bilangan mewakili lebih kurang 75% daripada hak mengundi Pemegang-pemegang Unit yang mengundi dalam mesyuarat.

IV. KEBENARAN

Kebenaran bertulis Penasihat Syariah, Peniaga yang Mengambil Bahagian dan Pembuat Pasaran (Malacca Securities Sdn Bhd) dan Pemegang Amanah, kepada kemasukan dalam Prospektus Tambahan ini akan nama-nama mereka dan maklumat dalam bentuk dan konteks dalam mana ianya terkandung dalam Prospektus Tambahan ini telah diberi sebelum Prospektus Tambahan ini dikeluarkan dan tidak kemudiannya ditarik balik.

Salinan surat kebenaran yang ddinyatakan di atas boleh diperiksa di pejabat utama Pengurus dan Pemegang Amanah semasa waktu perniagaan biasa.

**PROSPEKTUS TAMBAHAN INI HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN
PROSPEKTUS UTAMA BAGI TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER BERTARIKH 28
NOVEMBER 2017**

APENDIKS A
(Surat Pengumuman Syariah)



PENGUMUMAN SYARIAH

بِسْمِ هَلَّالِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala pujiyah kepada Allah, Tuhan yang Maha Besar Maha Pengasih Maha Penyayang, dan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Allah, keluarganya dan semua sahabatnya

AFFIN HWANG ASSET MANAGEMENT BERHAD

CADANGAN PENUBUHAN DANA ISLAM YANG DIKENALI SEBAGAI “TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER” (“DANA”)

Kami, Amanie Advisors Sdn Bhd, sebagai Penasihat Syariah bagi cadangan dana Islam yang dinyatakan di atas, dikenali sebagai TradePlus Shariah Gold Tracker (“Dana”) diuruskan oleh Affin Hwang Asset Management Berhad (“AHAM atau Pengurus”), telah mengkaji struktur dan mekanisme Dana untuk memastikan pematuhan dengan prinsip-prinsip Syariah.

Melainkan di mana ditakrifkan dalam Pengumuman Syariah ini, terma-terma yang digunakan dalam Pengumuman Syariah ini mempunyai maksud yang sama dengan yang diberi dalam dokumen-dokumen berkenaan bagi permohonan kepada Suruhanjaya Sekuriti bertarikh 2 Jun 2017 yang dikemukakan oleh Affin Hwang Investment Bank Berhad, Penasihat Utama bagi pihak AHAM berhubung dengan Dana.

1.0 Struktur dan Mekanisme

Dana akan ditawarkan dan akan disenaraikan pada Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities (“Bursa Securities”) berdasarkan struktur dan mekanisme sebagaimana dinyatakan di bawah:

1.1 Keterangan Ringkas

Perkara	Keterangan Ringkas
Nama Dana	: TradePlus Shariah Gold Tracker
Kategori Dana	: Dana Islam

**PROSPEKTUS TAMBAHAN INI HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN
PROSPEKTUS UTAMA BAGI TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER
BERTARIKH 28 NOVEMBER 2017**

**AFFIN HWANG ASSET MANAGEMENT BERHAD
CADANGAN DANA ISLAM DIKENALI SEBAGAI “TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER” (“DANA”)**

Jenis Dana	: Dana penjejakan prestasi harga Emas
Penanda Aras	: Harga Emas LBMA AM
Objektif Pelaburan	: Dana dihasratkan untuk menyediakan pelabur-pelabur dengan keputusan pelaburan yang hampir-hampir menjelaki prestasi harga Emas.
Strategi Pelaburan	: Pengurus akan melabur minimum 95% daripada NAV Dana dalam Jongkong-jongkong Emas fizikal yang dibeli daripada penapis diakreditasi LBMA untuk memenuhi objektif Dana. Bagi tujuan keairan, baki selebihnya NAV Dana akan dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam dan/atau deposit Islam. Dana akan diuruskan secara pasif, membiarkan Dana untuk dilaburkan dengan cukup tinggi pada sepanjang masa, tanpa mengambil kira harapan aset mendasari.
Peruntukan Aset	: <ul style="list-style-type: none">• Minimum 95% daripada NAV Dana akan dilaburkan dalam Jongkong Emas fizikal.• Baki selebihnya NAV Dana hendaklah dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam dan/atau deposit Islam.
Saiz Dana Awal	: 1,000,000,000 Unit.
Diluluskan	
Mata Wang Asas	: USD
Polisi Pengagihan	: Tidak ada pengagihan pendapatan
Pendapatan	

**PROSPEKTUS TAMBAHAN INI HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN
PROSPEKTUS UTAMA BAGI TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER
BERTARIKH 28 NOVEMBER 2017**

**AFFIN HWANG ASSET MANAGEMENT BERHAD
CADANGAN DANA ISLAM DIKENALI SEBAGAI "TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER" ("DANA")**

- 1.2 Dana adalah sebuah dana Islam yang dihasratkan untuk menyediakan pelabur-pelabur dengan keputusan pelaburan yang hampir-hampir menjadikan prestasi harga Emas.
- 1.3 Pengurus akan melabur minimum 95% daripada NAV Dana dalam Jongkong-jongkong Emas fizikal yang dibeli daripada penapis diakreditasi LBMA untuk memenuhi objektif Dana.
- 1.4 Bagi tujuan kecairan, baki selebihnya NAV Dana akan dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam dan/atau deposit Islam.
- 1.5 Dana hanya akan melabur dalam Jongkong-jongkong Emas fizikal yang dikilang oleh kilang penapis yang diakreditasikan dalam Senarai Penyerahan Barang LBMA selaras dengan peraturan LBMA melalui Penyedia Emas. Setiap keping Jongkong Emas boleh dikenal pasti secara unik sebagai dikilang oleh penapis berkenaan.
- 1.6 Kesemua Jongkong Emas yang dibeli dan dimiliki oleh Dana akan didepositkan dan disimpan dengan selamat oleh Kustodian dalam Akaun Diperuntukkan Dana atas Asas Diperuntukkan di mana setiap Jongkong Emas boleh dikenal pasti secara unik dan diasingkan daripada lain-lain logam berharga yang dipegang oleh Kustodian. Aset-aset akan disimpan dalam jagaan selamat Kustodian di bilik kebal terjamin di Singapura (dikendalikan oleh Sub-Kustodian) di bawah kuasa yang diwakilkan daripada Pemegang Amanah.
- 1.7 Dana akan mewakili unit-unit pecahan kepentingan benefisial tidak dipecah bagi dan pemilikan Dana yang terdiri daripada Jongkong Emas fizikal dan tunai. Pecahan Unit-unit dalam Dana yang mewakili jumlah bersamaan Jongkong-jongkong Emas fizikal yang dimiliki oleh Pemegang Unit akan dipegang oleh Kustodian, dalam bilik kebal atas Asas Diperuntukkan sepenuhnya. Ini bermakna bahawa Dana akan mempunyai akaun dengan Kustodian atas nama Pemegang Amanah bagi pihak Dana iaitu Akaun Diperuntukkan Dana, yang akan memegang Jongkong-jongkong Emas yang "diperuntukkan" kepada Dana dan diasing secara fizikal dalam bilik kebal selamat Kustodian daripada logam berharga (termasuk Emas) kepunyaan pemilik lain. Semua Jongkong Emas yang disimpan oleh Kustodian akan dikenal pasti

**PROSPEKTUS TAMBAHAN INI HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN
PROSPEKTUS UTAMA BAGI TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER
BERTARIKH 28 NOVEMBER 2017**

**AFFIN HWANG ASSET MANAGEMENT BERHAD
CADANGAN DANA ISLAM DIKENALI SEBAGAI “TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER” (“DANA”)**

dengan jelas melalui jenama penapis dan nombor siri unik. Dana mempunyai hak milik penuh kepada semua Jongkong Emas yang dipegang atas namanya dalam Akaun Diperuntukkan Dana dengan Kustodian.

- 1.8 Dana boleh memegang sejumlah kecil wang tunai untuk memenuhi perbelanjaan kendalian berterusan dan keperluan kecairan Dana yang akan diletakkan hanya dalam akaun yang mematuhi Syariah.
- 1.9 Pemilikan Unit-unit yang mewakili pemilikan Jongkong-jongkong Emas atas dasar pro rata di kalangan Pemegang-pemegang Unit bersama dengan jumlah tunai yang ditempatkan dalam akaun mematuhi Syariah.
- 1.10 Pemegang-pemegang Unit adalah berhak untuk menebus Unit-unit melalui Penebusan Tunai atau Penebusan *In-Kind*.
- 1.11 Pembentukan dan penebusan Unit-unit mestilah atas dasar lani dan tidak boleh mempunyai elemen penangguhan sama ada dalam bayaran atau penyerahan Emas.
- 1.12 Pembentukan Unit-unit oleh pelabur-pelabur melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian adalah apabila bayaran dibuat oleh pelabur (melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian) untuk membeli Jongkong-jongkong Emas daripada Penyedia Emas dan menghantar/memindahkan Jongkong-jongkong Emas kepada Akaun Diperuntukkan Dana adalah dibuat atas dasar serta merta. Terbitan Unit-unit berlaku satu (1) Hari Perniagaan sebaik sahaja selepas pembelian Jongkong-jongkong Emas dan bayaran telah diselesaikan. Begitu juga, penebusan Unit-unit oleh Pemegang-pemegang Unit melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian akan diselesaikan dalam cara yang sama, iaitu penyerahan Unit-unit yang akan ditebus oleh Pemegang-pemegang Unit dan penyerahan konstruktif Emas untuk Unit-unit tersebut dan kemudiannya, penerimaan wang tunai oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian bagi pihak Pemegang Unit akan juga diselesaikan dalam Hari Urus Niaga berikut Tarikh Penyelesaian.
- 1.13 Di bawah Penebusan *In-Kind*, penyerahan Unit-unit yang akan ditebus oleh Pemegang-pemegang Unit melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian dan

**PROSPEKTUS TAMBAHAN INI HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN
PROSPEKTUS UTAMA BAGI TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER
BERTARIKH 28 NOVEMBER 2017**

**AFFIN HWANG ASSET MANAGEMENT BERHAD
CADANGAN DANA ISLAM DIKENALI SEBAGAI “TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER” (“DANA”)**

pengutipan Jongkong-jongkong Emas yang berkenaan oleh Pemegang Unit atau Peniaga yang Mengambil Bahagian akan dilaksanakan tidak lewat daripada satu (1) Hari Urus Niaga selepas penghantaran Unit-unit yang akan ditebus.

- 1.14 Dana akan mematuhi dengan ketat Garis Panduan Pelaburan Syariah yang meliputi pelaburan Dana serta hal-hal operasi dan pentadbiran daripada perspektif Syariah berhubung dengan Dana.


**PROSPEKTUS TAMBAHAN INI HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN
PROSPEKTUS UTAMA BAGI TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER
BERTARIKH 28 NOVEMBER 2017**

**AFFIN HWANG ASSET MANAGEMENT BERHAD
CADANGAN DANA ISLAM DIKENALI SEBAGAI “TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER” (“DANA”)**

Struktur Dana

Di bawah adalah kajian kami mengenai proses akhir ke akhir Dana:

Proses Pembentukan



Penjelasan rajah

1. Pelabur hendaklah melanggan bagi Unit-unit dengan mengemukakan borang pembentukan kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian bagi pembentukan Unit-unit dalam Dana.
2. Peniaga yang Mengambil Bahagian mengemukakan Permohonan Pembentukan bagi unit-unit kepada Pengurus.
3. Pengurus selepas menerima dokumen lengkap daripada Peniaga yang Mengambil Bahagian akan memeriksa dengan Penyedia Emas untuk memastikan ia mempunyai

* Tidak akan ada penawaran kepada Orang Awam bagi langganan sebelum Penyenaraian.

**PROSPEKTUS TAMBAHAN INI HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN
PROSPEKTUS UTAMA BAGI TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER
BERTARIKH 28 NOVEMBER 2017**

**AFFIN HWANG ASSET MANAGEMENT BERHAD
CADANGAN DANA ISLAM DIKENALI SEBAGAI “TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER” (“DANA”)**

Jongkong-jongkong Emas yang mencukupi untuk memenuhi Permohonan Pembentukan. Sekiranya ya, Pengurus akan mengusahakan pembelian Jongkong-jongkong Emas. Sekiranya tidak, Pengurus akan menolak Permohonan Pembentukan.

4. Pengurus akan memaklumkan Peniaga yang Mengambil Bahagian mengenai Jumlah Langganan.
5. Peniaga yang Mengambil Bahagian akan mengirim Jumlah Langganan penuh kepada atau atas arahan Pemegang Amanah sebagai Deposit Cagaran (*hamish jiddiyah*) dan selepas itu Pemegang Amanah akan membayar jumlah Langganan kepada Penyedia Emas sebagai Deposit Cagaran (*hamish jiddiyah*) bagi pembelian emas.
6. a) Penyedia Emas akan menyerahkan Jongkong-jongkong Emas ke Akaun Diperuntukkan Dana dengan Kustodian.


b) Kustodian akan memaklumkan Pemegang Amanah mengenai penyerahan tersebut dengan butir-butir Jongkong-jongkong Emas yang diserahkan. Butir-butir Jongkong-jongkong Emas yang diserahkan sewajarnya akan terdiri daripada yang berikut:
 - i) nombor jongkong;
 - ii) ketulenan;
 - iii) berat kasar dalam aun atau kilogram;
 - iv) berat halus dalam aun atau kilogram;
 - v) jenama
7. Pemegang Amanah selepas menerima pemberitahuan daripada Kustodian dalam perkara 6(b) di atas, hendaklah:
 - i. Membentuk Unit-unit baru dan mengeluarkan sijil baru yang membuktikan pembentukan Unit-unit; dan
 - ii. Menghantar pengesahan kepada Pengurus

**PROSPEKTUS TAMBAHAN INI HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN
PROSPEKTUS UTAMA BAGI TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER
BERTARIKH 28 NOVEMBER 2017**

**AFFIN HWANG ASSET MANAGEMENT BERHAD
CADANGAN DANA ISLAM DIKENALI SEBAGAI “TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER” (“DANA”)**

Proses Penebusan

Penebusan Tunai



Penjelasan rajah

1. Pelabur hendaklah mengemukakan borang penebusan kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian yang memaklumkan mengenai hasrat untuk menebus Unit-unit dalam bentuk Penebusan Tunai.
2. Peniaga yang Mengambil Bahagian mengemukakan Permohonan Penebusan kepada Pengurus.
3. Pengurus selepas menerima dokumen-dokumen lengkap daripada Peniaga yang Mengambil Bahagian akan meneruskan dengan jualan Jongkong-jongkong Emas kepada Penyedia Emas.

**PROSPEKTUS TAMBAHAN INI HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN
PROSPEKTUS UTAMA BAGI TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER
BERTARIKH 28 NOVEMBER 2017**

**AFFIN HWANG ASSET MANAGEMENT BERHAD
CADANGAN DANA ISLAM DIKENALI SEBAGAI “TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER” (“DANA”)**

4. Pengurus akan memaklumkan Peniaga yang Mengambil Bahagian mengenai jumlah penebusan yang akan diterima bagi Unit-unit yang akan ditebus.
5. Peniaga yang Mengambil Bahagian akan memindahkan Blok(blok-blok) Unit Penebusan yang adalah tertakluk kepada Permohonan Penebusan untuk ditebus daripada Akaun CDSnya kepada Akaun CDS Pemegang Amanah.
6. a) Kustodian akan memindahkan Jongkong-jongkong Emas yang dijual daripada Akaun Diperuntukkan Dana kepada akaun Penyedia Emas sebagai Deposit Cagaran (*hamish jiddiyah*).

b) Kustodian hendaklah memaklumkan Pemegang Amanah mengenai pemindahan tersebut dengan butir-butir Jongkong-jongkong Emas untuk dipindahkan. Butir-butir Jongkong-jongkong Emas diserahkan sewajarnya akan terdiri daripada yang berikut:
 - i) Nombor jongkong;
 - ii) ketulenan;
 - iii) berat kasar dalam aun atau kilogram;
 - iv) berat halus dalam aun atau kilogram;
 - v) jenama
7. Selepas pemindahan Jongkong-jongkong Emas, Penyedia Emas akan mengkreditkan jumlah penyelesaian ke dalam akaun penyelesaian yang dikenal pasti Dana untuk jualan Jongkong-jongkong Emas yang dipegang oleh Pemegang Amanah.
8. Pemegang Amanah selepas menerima pemberitahuan dalam perkara 6(b) di atas hendaklah:
 - i. Menebus dan membatal Blok Unit Penebusan, memaklumkan Bursa Depository bahawa Unit-unit tersebut telah ditebus dan dibatalkan dan kemukakan kepada Bursa Depository maklumat rekuisi mengenai Blok Unit Penebusan;
 - ii. Menghantar pengesahan kepada Pengurus; dan
 - iii. Membayar Jumlah Penebusan kepada akaun bank yang dinamakan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian.


**PROSPEKTUS TAMBAHAN INI HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN
PROSPEKTUS UTAMA BAGI TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER
BERTARIKH 28 NOVEMBER 2017**

**AFFIN HWANG ASSET MANAGEMENT BERHAD
CADANGAN DANA ISLAM DIKENALI SEBAGAI “TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER” (“DANA”)**

Dalam Penebusan Tunai, untuk menghasilkan tunai yang diperlukan untuk membayar Unit-unit yang ditebus, Pengurus boleh meneruskan untuk melaksanakan apa-apa jualan Aset-aset Dana yang merujuk kepada semua aset (termasuk tunai yang dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam dan/atau Deposit Islam serta pendapatan yang diperoleh daripada pelaburan yang dinyatakan di atas) Dana buat masa ini dipegang atau dianggap dipegang atas amanah oleh, atau di bawah kuasa yang diwakilkan daripada, Pemegang Amanah selaras dengan Surat Ikatan.

Pengurus mempunyai hak eksklusif, pada bila-bila masa dan dari masa ke masa berikutnya Permohonan Penebusan yang dibuat oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian, untuk melaksanakan pengurangan saiz Dana pada Hari Perniagaan berikutnya selepas Tarikh Penyelesaian yang berkenaan dengan notis secara bertulis kepada Pemegang Amanah yang mengarahkan Pemegang Amanah untuk melaksanakan penebusan yang akan diselesaikan melalui cara tunai dan membatalkan Unit-unit yang diwakili dengan itu dan menghendaki Pemegang Amanah untuk membatalkan bilangan Unit yang dinyatakan dalam notis tersebut.

Penebusan *In-kind*



Penjelasan Rajah

1. Pelabur hendaklah mengemukakan borang penebusan kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian yang memaklumkan mengenai hasrat untuk menebus Unit-unit

**PROSPEKTUS TAMBAHAN INI HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN
PROSPEKTUS UTAMA BAGI TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER
BERTARIKH 28 NOVEMBER 2017**

**AFFIN HWANG ASSET MANAGEMENT BERHAD
CADANGAN DANA ISLAM DIKENALI SEBAGAI “TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER” (“DANA”)**

dalam bentuk Penebusan *In-Kind*.

2. Peniaga yang Mengambil Bahagian mengemukakan Permohonan Penebusan kepada Pengurus.
3. Pengurus selepas menerima dokumen yang lengkap daripada Peniaga yang Mengambil Bahagian akan memproses Permohonan Penebusan dan memaklumkan Pemegang Amanah mengenai bilangan Jongkong Emas yang akan ditebus.
4. Pemegang Amanah akan mengarahkan Kustodian bagi pengaturan mengutip Jongkong-jongkong Emas oleh Pemegang Unit atau Peniaga yang Mengambil Bahagian di bilik kebal Sub-Kustodian di Singapura.
5. Pengurus akan menentukan dan memaklumkan Peniaga yang Mengambil Bahagian mengenai *Basket* Penebusan yang akan diterima.
6. Peniaga yang Mengambil Bahagian akan memindahkan Blok(blok-blok) Unit Penebusan yang merupakan subjek Permohonan Penebusan untuk ditebus daripada Akaun CDSnya kepada Akaun CDS Pemegang Amanah.
7. Pemegang Unit atau Peniaga yang Mengambil Bahagian akan mengutip Jongkong-jongkong Emas di bilik kebal Sub-Kustodian di Singapura.
8. Pada Tarikh Dagangan campur 4 Hari Urus Niaga, Pemegang Amanah akan:
 - i. Menebus dan membatal Blok Unit Penebusan dan memaklumkan Bursa Depository bahawa Unit-unit tersebut telah ditebus dan dibatalkan;
 - ii. Mengemukakan kepada Bursa Depository maklumat diperlukan berhubung dengan Blok Unit Penebusan;
 - iii. Menghantar pengesahan kepada Pengurus; dan
 - iv. Membayar Komponen Tunai (sekiranya ada) kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian.

**PROSPEKTUS TAMBAHAN INI HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN
PROSPEKTUS UTAMA BAGI TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER
BERTARIKH 28 NOVEMBER 2017**

**AFFIN HWANG ASSET MANAGEMENT BERHAD
CADANGAN DANA ISLAM DIKENALI SEBAGAI “TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER” (“DANA”)**

2.0 Semakan Syariah

- 2.1** Audit Tahunan: Penasihat Syariah kepada Dana (iaitu Amanie Advisors Sdn Bhd) akan menjalankan audit Syariah tahunan termasuk lawatan tapak ke bilik kebal di mana Jongkong-jongkong Emas disimpan selamat untuk mengesahkan kewujudan Emas fizikal dan dalam kuantiti dan kualiti yang betul, rekod pergerakannya dan lain-lain butiran yang perlu. Laporan audit Syariah tahunan dalam status pematuhan Dana bagi tempoh kewangan berkenaan akan disediakan oleh Penasihat Syariah dan akan dimasukkan dalam laporan tahunan Dana.

3.0 Pematuhan Syariah

Berdasarkan kajian kami dalam proses akhir ke akhir Dana, di bawah adalah pengesahan Dana akan peraturan dan prinsip Syariah seperti yang dipandu oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti dan Standard Syariah AAOIFI:

3.1 Unit-unit yang mewakili jumlah bersamaan emas fizikal

Dana akan mewakili pecahan unit-unit kepentingan benefisial tidak dipecah bahagi dan pemilikan Dana yang terdiri daripada Jongkong Emas fizikal dan tunai. Pecahan Unit-unit Dana yang mewakili jumlah bersamaan Jongkong-jongkong Emas fizikal yang dimiliki oleh Pemegang Unit akan dipegang oleh Kustodian, dalam bilik kebal atas Asas Diperuntukkan sepenuhnya.

Apabila pelabur melabur dalam Dana, Pengurus hendaklah bagi pihak pelabur mematuhi strategi pelaburan Dana di mana Pengurus akan melabur minimum 95% daripada NAB Dana dalam Jongkong-jongkong Emas fizikal yang dibeli daripada kilang-kilang penapis diakreditasi LBMA untuk memenuhi objektif Dana. Bagi tujuan kecairan, baki selebihnya NAV Dana akan dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam dan/atau deposit Islam.

**PROSPEKTUS TAMBAHAN INI HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN
PROSPEKTUS UTAMA BAGI TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER
BERTARIKH 28 NOVEMBER 2017**

**AFFIN HWANG ASSET MANAGEMENT BERHAD
CADANGAN DANA ISLAM DIKENALI SEBAGAI “TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER” (“DANA”)**

Strategi pelaburan adalah sejajar dengan terma-terma sebagaimana dinyatakan dalam **perenggan 4.02 Parameter Syariah mengenai Dana Didagang pada Bursa Islam Berdasarkan Emas dan Perak oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia** yang dikeluarkan pada 7 Oktober 2014 yang memerlukan unit-unit ETF Islam untuk diwakili dengan jumlah bersamaan dengan bullion/ jongkong emas dan perak fizikal. Dalam konteks TradePlus Shariah Gold Tracker Fund, pecahan Unit terdiri daripada pelaburan dalam Jongkong-jongkong Emas fizikal dan tunai. Pecahan Unit yang mewakili pemilikan Jongkong-jongkong Emas adalah dilaburkan dalam emas fizikal dan akan diwakili atas jumlah bersamaan dengan emas.

3.2 Pembentukan unit-unit

Pembentukan unit-unit dalam Dana akan sentiasa disokong penuh oleh emas fizikal. Unit-unit Dana mewakili jumlah bersamaan dengan Jongkong-jongkong Emas fizikal yang dipegang oleh Kustodian, dalam bilik kebal atas Asas Diperuntukkan sepenuhnya.

Perenggan 4.03 Parameter Syariah mengenai Dana Didagang pada Bursa Islam oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang diterbitkan pada 7 Oktober 2014 menyatakan bahawa pembentukan dana ETF Islam mestilah disokong oleh bullion/jongkong emas dan perak fizikal dengan kuantiti dan kualiti khusus.

3.3 Peruntukan Emas Dana

Semua Bullion Emas yang dimiliki oleh Dana akan dipegang dalam Akaun Diperuntukkan Dana (yang boleh dikenal pasti secara unik dan diasingkan daripada logam berharga lain yang disimpan dalam bilik kebal Kustodian) dan disimpan dalam penjagaan selamat Kustodian di bilik kebal selamat di Singapura di bawah kuasa yang diwakilkan daripada Pemegang Amanah.

Akaun yang diperuntukkan adalah akaun dengan Kustodian yang secara individu mengenal pasti jongkong-jongkong emas dimiliki oleh pemegang akaun dikreditkan. Jongkong-jongkong Emas dalam akaun diperuntukkan adalah khusus kepada akaun

**PROSPEKTUS TAMBAHAN INI HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN
PROSPEKTUS UTAMA BAGI TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER
BERTARIKH 28 NOVEMBER 2017**

**AFFIN HWANG ASSET MANAGEMENT BERHAD
CADANGAN DANA ISLAM DIKENALI SEBAGAI “TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER” (“DANA”)**

dan boleh dikenal pasti melalui jenama penapis dan nombor bersiri unik. Dana mempunyai hak milik penuh kepada semua Jongkong Emas yang dipegang atas namanya dalam Akaun Diperuntukkan Dana dengan Kustodian.

Emas bagi pembentukan unit-unit ETF Islam adalah diperuntukkan dan diasingkan dalam mematuhi perenggan **4.04(b) Parameter Syariah mengenai Dana Didagang pada Bursa Islam Berdasarkan Emas dan Perak oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang dikeluarkan pada 7 Oktober 2014.**

Akaun diperuntukkan yang ditetapkan Dana ini adalah sejajar dengan Definisi Emas Diperuntukkan di bawah **Standard Syariah AAOIFI No. 57 ke atas Emas** dan Parameter Dagangannya dalam Syariah, Apendediks C (Definisi) di mana emas yang diperuntukkan adalah akaun dengan peniaga bulion, yang juga mungkin merupakan bank, kepada mana jongkong-jongkong emas yang dikenal pasti secara individu yang dimiliki oleh pemegang akaun adalah dikreditkan. Jongkong-jongkong emas dalam akaun emas yang diperuntukkan adalah khusus kepada akaun tersebut dan dikenal pasti melalui senarai yang menunjukkan, bagi setiap jongkong emas, penapis, kehalusan, nombor siri dan beratnya.

3.4 Urus niaga emas dijalankan secara tunai dan atas asas lani (di T+0)

(a) Pembentukan dan Penebusan Unit-unit secara lani (di T+0)

Di bawah pembentukan Unit, apabila Pengurus memaklumkan Peniaga yang Mengambil Bahagian Jumlah Langganan iaitu balasan tunai bagi pembentukan Unit-unit, Peniaga yang Mengambil Bahagian hendaklah, bagi pihak pelabur, membuat bayaran Jumlah Langganan penuh kepada atau mengikut perintah Pemegang Amanah sebagai deposit cagaran (*Hamish jiddiyah*). Pemegang Amanah kemudiannya membayar kepada Penyedia Emas dan Penyedia Emas kemudian akan selepas menerima deposit cagaran, menyerahkan emas ke dalam Akaun Diperuntukkan Dana. Kontrak dimuktamadkan secara lani (T+0) di mana pemilikan konstruktif direalisasikan dengan memperuntukkan Jongkong-jongkong Emas ke dalam Akaun Diperuntukkan Dana.

**PROSPEKTUS TAMBAHAN INI HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN
PROSPEKTUS UTAMA BAGI TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER
BERTARIKH 28 NOVEMBER 2017**

**AFFIN HWANG ASSET MANAGEMENT BERHAD
CADANGAN DANA ISLAM DIKENALI SEBAGAI “TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER” (“DANA”)**

Pembentukan Unit-unit oleh pelabur-pelabur melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian adalah dilakukan apabila bayaran dibuat oleh pelabur (melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian) untuk membeli Jongkong-jongkong Emas daripada Penyedia Emas dan penyerahan/pemindahan Jongkong-jongkong Emas kepada Akaun Diperuntukkan Dana dibuat atas dasar serta merta. Terbitan Unit-unit berlaku satu (1) Hari Perniagaan sebaik sahaja selepas pembelian Jongkong-jongkong Emas dan bayaran telah diselesaikan.

Begitu juga, penebusan Unit-unit melalui Penebusan Tunai oleh Pemegang-pemegang Unit melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian akan diselesaikan dalam cara yang sama, iaitu penyerahan Unit-unit untuk ditebus oleh Pemegang-pemegang Unit dan penyerahan konstruktif Jongkong-jongkong Emas bagi Unit-unit tersebut dan kemudiannya, penerimaan wang tunai oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian bagi pihak Pemegang Unit juga akan diselesaikan dalam satu Hari Perniagaan sebaik sahaja berikut Tarikh Penyelesaian.

Di bawah Penebusan Tunai, apabila Penyedia Emas mengesahkan untuk membeli Jongkong-jongkong Emas, Kustodian akan memindahkan Jongkong-jongkong Emas daripada Akaun Diperuntukkan Dana kepada akaun Penyedia Emas sebagai Deposit Cagaran (*hamish jiddiyah*).

Atas pemindahan Jongkong-jongkong Emas, Penyedia Emas akan mengkreditkan jumlah penyelesaian ke dalam akaun penyelesaian yang ditetapkan oleh Dana bagi jualan Jongkong-jongkong Emas yang dipegang oleh Pemegang Amanah.

Kontrak dimuktamadkan secara lari (T+0) di mana pemilikan konstruktif direalisasikan dengan mengkreditkan jumlah penyelesaian ke dalam akaun penyelesaian yang ditetapkan Dana.

Standard Syariah AAOIFI No. 57 ke atas Emas dan Parameter Perdagangannya dalam perkara Syariah (3/4): Apabila jongkong emas dijual bagi mata wang, nilai-nilai kaunter mesti ditukar semasa sesi kontrak. Pemilikan jongkong oleh pembeli, atau ejennya, direalisasikan sama ada secara fizikal atau secara konstruktif. Pemilikan konstruktif direalisasikan melalui peruntukan jongkong dan dengan

**PROSPEKTUS TAMBAHAN INI HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN
PROSPEKTUS UTAMA BAGI TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER
BERTARIKH 28 NOVEMBER 2017**

**AFFIN HWANG ASSET MANAGEMENT BERHAD
CADANGAN DANA ISLAM DIKENALI SEBAGAI "TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER" ("DANA")**

membolehkan pembeli untuk melupuskannya, atau dengan memegang sijil yang mewakili pemilikan jongkong dinyatakan yang boleh dibezakan (jongkong yang diperuntukkan) daripada yang lain-lain, dengan nombor siri atau lain-lain tanda berbeza daripada jongkong-jongkong lain, dengan syarat sijil dikeluarkan pada hari kontrak dimuktamadkan [Tarikh Perdagangan "T+0"], oleh agensi rasmi atau yang diiktiraf secara lazim, membolehkan pembeli mengambil pemilikan fizikal jongkong yang dibeli atas permintaannya. Dengan itu, ia tidak dibenarkan menjual jongkong yang tidak dinyatakan jumlahnya (secara teknikal dikenali dalam pasaran sebagai jongkong yang tidak diperuntukkan) tanpa pemilikan fizikal.

b) Perdagangan Unit-unit dalam Pasaran Sekunder

Perdagangan Unit-unit yang mewakili jumlah emas fizikal yang bersamaan dengan kuantiti dan kualiti khusus dalam pasaran sekunder hendaklah dijalankan secara tunai dan atas dasar lani dan tidak akan mempunyai apa-apa elemen penangguhan sama ada dalam bayaran atau penyerahan emas.

Di bawah **Resolusi Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengenai Dana Didang pada Bursa Islam Berdasarkan Emas dan Perak (ETF Emas dan Perak Islam) muka surat 17-19 ("Resolusi")**, perdagangan unit-unit ETF Islam antara pembeli dan penjual mesti dijalankan secara tunai dan atas dasar lani dan memandangkan perdagangan ETF Islam mesti dijalankan secara tunai, unit-unit ETF Islam hanya boleh didagangkan sekiranya pembeli mempunyai akaun tunai atau kemudahan margin (melalui pembiayaan pihak ketiga).

Resolusi selanjutnya menyatakan bahawa sistem perdagangan dan penyelesaian semasa bursa saham menyokong urus niaga lani, walaupun penyelesaian hanya dibuat pada hari T+3. Pada peringkat broker, sebaik sahaja pesanan dilaksanakan (T-hari), jumlah wang dalam akaun pembeli akan dipindahkan bagi bayaran kepada penjual dan akibatnya pembeli tidak lagi mempunyai hak kepada jumlah wang tersebut. Selepas itu, bilangan unit atau saham-saham akan dipindahkan ke akaun pembeli. Pada T-hari, pembeli mempunyai pemilikan penuh, yang mengakibatkan beliau mempunyai semua hak dan liabiliti berhubung dengan unit atau saham. Dari perspektif Syariah, ini merupakan pemilikan konstruktif.

**PROSPEKTUS TAMBAHAN INI HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN
PROSPEKTUS UTAMA BAGI TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER
BERTARIKH 28 NOVEMBER 2017**

**AFFIN HWANG ASSET MANAGEMENT BERHAD
CADANGAN DANA ISLAM DIKENALI SEBAGAI “TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER” (“DANA”)**

Dagangan Dana dalam pasaran sekunder adalah sejajar dengan Resolusi memandangkan Unit hanya boleh didagangkan secara tunai dan atas lari dan sekiranya pembeli mempunyai akaun tunai atau kemudahan margin (melalui pembiayaan pihak ketiga),

3.5 Kebolehan diserah emas bagi penebusan *in-kind*

Pemegang-pemegang Unit adalah berhak untuk menebus Unit-unit melalui Penebusan *In-Kind*. Di bawah penebusan *in-kind*, Pemegang Unit atau Peniaga yang Mengambil Bahagian akan menggutip Jongkong-jongkong Emas daripada bilik kebal yang dikendalikan oleh sub-kustodian di Singapura secara peribadi.

Resolusi Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia Dana Didagang pada Bursa Islam Berdasarkan Emas dan Perak (ETF Emas dan Perak Islam) memerlukan agar, pada permulaan dan pembentukan unit-unit ETF Islam, pengurus dana dan penasihat Syariah perlu menentusahkan bahawa emas boleh diserah kepada pemegang-pemegang unit apabila mereka menebus unit-unit ETF Islam.

Keperluan bagi Pemegang Unit atau Peniaga yang Mengambil Bahagian untuk mengambil penyerahan Jongkong-jongkong Emas daripada bilik kebal yang dikendalikan oleh sub-kustodian di Singapura secara peribadi mematuhi keperluan agar Pemegang Unit atau Peniaga yang Mengambil Bahagian akan menyerahkan Jongkong-jongkong Emas apabila mereka menebus Unit-unit.

Peniaga yang Mengambil Bahagian dan/atau pelabur-pelabur akan menerima jumlah Jongkong-jongkong Emas dan Komponen Tunai (sekiranya ada) yang membentuk *Basket* Penebusan atas Penebusan *in-kind* Unit-unit.

Komponen Tunai merujuk kepada jumlah wang tunai (sekiranya ada) untuk diterima oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian (sama ada untuk akaunnya sendiri atau bagi pihak klien mendasarinya) selain daripada Jongkong-jongkong Emas berhubung dengan Penebusan *In-Kind*. Komponen Tunai (sekiranya ada) adalah diperoleh

**PROSPEKTUS TAMBAHAN INI HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN
PROSPEKTUS UTAMA BAGI TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER
BERTARIKH 28 NOVEMBER 2017**

**AFFIN HWANG ASSET MANAGEMENT BERHAD
CADANGAN DANA ISLAM DIKENALI SEBAGAI "TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER" ("DANA")**

daripada tunai yang dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam dan/atau deposit Islam serta pendapatan yang diperoleh daripada pelaburan yang dinyatakan di atas mengikut Peruntukan Aset Dana.

3.6 Pengolahan wang tunai dan emas sebagai deposit cagaran (*hamish jiddiyah*) masing-masing dalam pembentukan unit dan penebusan tunai

Di bawah proses pembentukan Unit-unit, Pelabur melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian akan menghantar Jumlah Langganan kepada atau mengikut perintah Pemegang Amanah sebagai Deposit Cagaran (*hamish jiddiyah*).

Standard Syariah AAOIFI No.5 mengenai Jaminan, perkara (6/8/2): Adalah dibenarkan bagi Institusi, dalam hal janji mengikat unilateral, untuk mengambil sejumlah wang yang dipanggil *Hamish Jiddiyah* (deposit cagaran) daripada pembeli (pelanggan) sebagai jaminan untuk janjinya. Di mana pelanggan gagal untuk memenuhi janji yang mengikatnya, Institusi tidak dibenarkan mengekalkan deposit cagaran seperti tersebut. Sebaliknya, hak Institusi adalah terhad untuk menolak jumlah kerosakan sebenar yang ditanggung akibat daripada pelanggaran iaitu perbezaan di antara kos perkara kepada Institusi dan harga jualnya kepada pihak ketiga.

Sementara itu, di bawah proses Penebusan Tunai, Kustodian akan memindahkan Jongkong-jongkong Emas yang dijual daripada Akaun Diperuntukkan Dana kepada akaun Penyedia Emas sebagai Deposit Cagaran (*hamish jiddiyah*).

Selaras dengan Standard Syariah AAOIFI No. 57 mengenai Emas dan Parameter Perdagangannya dalam Syariah, perkara (7/2/1): Adalah dibenarkan untuk mengambil daripada pelanggan, yang merupakan pemesan pembelian [dalam Murabahah], jumlah sebagai Hamish Jiddiyah (deposit cagaran) dalam bentuk emas untuk menjamin janji mengikat (*Wa'd Mulzim*). Jumlah ini akan dipegang sebagai amanah dan tidak akan dianggap sebagai '*Arboun* (bayaran muka) bagi ketidaan apa-apa kontrak pada masa tersebut. Sekiranya berlaku pemungkiran, hanya jumlah kerugian sebenar - iaitu, perbezaan di antara kos dan harga jualan kepada pihak ketiga - akan ditolak.

**PROSPEKTUS TAMBAHAN INI HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN
PROSPEKTUS UTAMA BAGI TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER
BERTARIKH 28 NOVEMBER 2017**

**AFFIN HWANG ASSET MANAGEMENT BERHAD
CADANGAN DANA ISLAM DIKENALI SEBAGAI “TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER” (“DANA”)**

Selain daripada jualan Jongkong-jongkong Emas untuk menghasilkan tunai untuk membayar Unit-unit yang ditebus di bawah Penebusan Tunai, Pengurus boleh meneruskan untuk melaksanakan apa-apa jualan Aset-aset Dana yang merujuk kepada semua aset (termasuk tunai yang dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam dan/atau deposit Islam serta pendapatan yang diperoleh daripada pelaburan tersebut di atas) Dana buat masa ini dipegang atau dianggap dipegang atas amanah oleh, atau di bawah kuasa yang diwakilkan daripada, Pemegang Amanah selaras dengan Surat Ikatan.

Pengurus mempunyai hak eksklusif, pada bila-bila masa dan dari masa ke masa berikutan Permohonan Penebusan yang dibuat oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian, untuk melaksanakan pengurangan saiz Dana pada Hari Perniagaan berikutnya selepas Tarikh Penyelesaian yang berkenaan dengan notis secara bertulis kepada Pemegang Amanah yang mengarahkan Pemegang Amanah untuk melaksanakan penebusan yang akan diselesaikan melalui cara tunai dan membatalkan Unit yang diwakili olehnya dan memerlukan Pemegang Amanah membatalkan bilangan Unit yang dinyatakan dalam notis tersebut. Proses penebusan tunai tidak melanggar apa-apa prinsip Syariah memandangkan Pengurus akan menjalankan tugasnya berdasarkan peruntukan Surat Ikatan dan kegiatan tersebut akan dianggap perlu untuk menguruskan Dana dan perniagaannya.

3.7 Penanda Aras peletakan harga Unit-unit berbanding Prestasi Harga Emas LBMA AM

Dana telah ditanda aras terhadap Harga Emas LBMA AM pagi. Harga Emas LBMA AM hanya menyediakan harga rujukan untuk Emas di mana objektif pelaburan Dana adalah untuk menyediakan keputusan pelaburan yang hampir sepadan dengan prestasi Harga Emas LBMA AM. Harga Emas LBMA AM adalah penanda aras yang digunakan secara meluas di peringkat antarabangsa bagi harga Emas harian.

Di bawah Standard Syariah AAOIFI No. 57 mengenai Emas dan Parameter Perdagangannya dalam Syariah, Definisi Pelaburan Jongkong Emas, muka surat 29: Standard mengiktiraf bahawa jongkong-jongkong Penyerahan Baik

**PROSPEKTUS TAMBAHAN INI HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN
PROSPEKTUS UTAMA BAGI TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER
BERTARIKH 28 NOVEMBER 2017**

**AFFIN HWANG ASSET MANAGEMENT BERHAD
CADANGAN DANA ISLAM DIKENALI SEBAGAI "TRADEPLUS SHARIAH GOLD TRACKER" ("DANA")**

mestilah memenuhi standard ketat yang ditetapkan oleh London Bullion Market Association (LBMA), termasuk kehalusan minimum sebanyak 995 bahagian setiap seribu emas halus dan berat di antara 350 dan 430 auns troy.


4.0 Kelulusan

Pengumuman Syariah ini disediakan di sini adalah selepas kami membaca struktur Dana, terma-terma dan syarat-syarat dan yang dinyatakan di atas. Selaras dengan itu, setelah mengkaji semula struktur dan mekanisme seperti yang didokumenkan di atas, dan pertimbangan-pertimbangan Syariah yang terkandung di dalamnya, kami dengan ini mengesahkan bahawa struktur dan mekanisme Dana mematuhi dengan prinsip-prinsip Syariah dan dibenarkan di bawah Syariah, tertakluk kepada pelaksanaan Dokumen Urus Niaga yang sesuai.

Yang benar

Untuk dan bagi pihak

Lembaga Penyelian Syariah Amanie Advisors Sdn Bhd,



Datuk Dr. Mohd Daud Bakar

Tarikh: 27 Jun 2019

Ahli Eksekutif

Ahli-ahli Lembaga Penyeliaan Syariah

Dr. Mohamed Ali Elgari (Pengerusi)

Dr. Mohd Daud Bakar

Dr. Muhammad Amin Ali Qattan

Dr. Osama Al Dereai